

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS PELANCARAN YAYASAN PEMBANGUNAN WANITA**  
**MALAYSIA, DI HOTEL NIKKO, KUALA LUMPUR**  
**4 APRIL 2000**

-----

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada jawatankuasa pengelola majlis dan pengasas Yayasan Pembangunan Wanita Malaysia atas inisiatif untuk mewujudkan satu tabung khas dalam usaha-usaha membangunkan kaum wanita.
2. Saya mengalu-alukan penubuhan apa jua tabungan yang diuruskan dengan cekap dan baik bagi tujuan pembangunan dan kemajuan rakyat dan negara. Pengendalian serta pengurusan yang baik bermakna bahawa pihak yang bertanggungjawab semestinya beramanah, berwibawa dan prihatin terhadap kehendak golongan-golongan sasaran yang perlu diberi bantuan dan bimbingan.
3. Pada kerajaan, golongan wanita di Malaysia merupakan golongan yang amat penting kepada masyarakat. Kerajaan tetap mempunyai komitmen yang teguh terhadap prinsip kesaksamaan yang telahpun diterangkan dalam Rancangan Malaysia ke-Enam, dasar wanita negara dan juga pelantindakan untuk wanita dan pembangunan. Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) telah juga ditubuhkan oleh pihak kerajaan untuk memantau kemajuan-kemajuan kaum wanita.
4. Kerajaan selanjutnya bersikap responsif kepada pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita dari sektor bukan kerajaan atau NGO. Umpamanya, hasil daripada memorandum yang telah diserahkan kepada kerajaan pada tahun 1985, pelbagai pindaan kepada undang-undang sudahpun berlangsung.
5. Antara undang-undang yang telah dipinda termasuklah: (1) akta pembahagian yang dipinda supaya suami dan isteri menerima manfaat yang sama atas kematian pasangannya; (2) akta cukai pendapatan di mana sekarang wujudnya tafsiran yang berasingan untuk isteri; (3) peruntukan bagi kes-kes rogol di dalam kanun keseksaan yang mewujudkan hukum penjara mandatori minimum bagi pelaku yang telahpun disabit kesalahan; dan (4) pindaan kepada akta penjagaan budak.
6. Saya juga amat berbangga kerana Malaysia merupakan negara Asia dan juga negara Islam pertama dalam penggubalan akta keganasan rumah tangga atau domestic violence act (dva). Sejak pelaksanaan dva pada Jun 1996, data yang dikumpulkan oleh polis menunjukkan kesedaran yang meningkat terhadap pengakuan keganasan rumah tangga sebagai satu kesalahan jenayah. Pada tahun 1995, 1,409 kes keganasan rumah tangga telah di laporkan kepada pihak polis. Pada tahun 1997, iaitu tahun pertama pelaksanaan dva, bilangan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan melonjak ke 5,799. Dan pada tahun 1999, bilangan kes-kes tersebut berjumlah 3,806.
7. Sebagai sebuah negara yang ingin maju pada tahun 2020, kita mesti berusaha supaya kejayaan yang dinikmati ini adalah kejayaan bukan hanya dari segi ekonomi dan kekayaan material, tetapi kemajuan dari segi kesaksamaan peluang untuk semua lapisan masyarakat. Negara malaysia yang maju tidak mempunyai ruang untuk fikiran yang sempit dan pandangan yang kolot. Ini bermakna bahawa diskriminasi, terutamanya diskriminasi dari segi jantina, tidak boleh diamalkan oleh

mana-mana pihak.

8. Kita perlu sedar bahawa peranan wanita telah banyak berubah, dan akan mengalami perubahan yang bertambah lagi dalam alaf baru ini. Golongan wanita sudah lebih berkuasa atau empowered dari segi pendidikan, pekerjaan dan kepakaran dalam pelbagai jenis bidang.

9. Mengikut human development report tahun 1999 yang disediakan oleh program pembangunan pertubuhan bangsa- bangsa bersatu atau United Nations Development Programme (UNDP), Malaysia merupakan negara Islam yang termaju dari segi penyertaan wanita dalam tenaga kerja negara. Dalam bidang profesional dan pekerja teknikal umpamanya, golongan wanita mengisi 43% jawatan daripada jumlah keseluruhan. Bilangan ini lebih tinggi berbanding negara-negara seperti Indonesia, Turki dan juga Mesir.

10. Kemajuan wanita dalam penyertaan tenaga kerja negara boleh juga dilihat dari segi perkembangan dalam kategori pekerjaan yang tertentu. Sebagai contoh, pada tahun 1970 5.3% daripada jumlah wanita dalam tenaga kerja negara terdiri dari kategori pekerjaan profesional dan teknikal. Pada tahun 1997, peratusan ini telahpun meningkat ke 13.3%. Dalam kategori perkhidmatan pula, statistik yang sama menunjukkan peningkatan dari 8.4% ke 16%. Di samping itu, pada tahun 1970, 66.8% daripada jumlah wanita dalam tenaga kerja negara terlibat dalam kerja-kerja pertanian. Dalam tahun 1997, peratusan ini menurun ke 14.2%. Ini menunjukkan bahawa golongan wanita terus memperoleh kemahiran untuk merebut jawatan-jawatan di sektor-sektor yang lebih moden dan yang lebih menggunakan ilmu pengetahuan dari tenaga fizikal.

11. Perubahan ini tidak terhad kepada jawatan-jawatan yang rendah sahaja. Lebih banyak wanita kini dipilih untuk mengetuai jabatan-jabatan kerajaan dan juga syarikat-syarikat swasta. Di Malaysia, kita mempunyai beberapa tokoh korporat wanita yang sering kali menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang daripada rakan sekerja lelaki. Pimpinan wanita dalam sektor awam pula semakin meningkat. Sebagai contoh, pada awal pelantikan saya sebagai menteri luar negeri, iaitu pada tahun 1992, bilangan pegawai wanita p.t.d. dalam perkhidmatan luar negeri yang memegang jawatan tertinggi tidak wujud. Pada tahun 1998 peratusan yang tercatat ialah 17.4%.

12. Pencapaian wanita dalam tenaga kerja negara bukanlah hasil tindakan pengesahan atau affirmative action. Sebaliknya, ia datangnya daripada usaha-usaha dan kecemerlangan golongan wanita dalam bidang pendidikan. Pada tahun 1993 pendaftaran bagi penuntut perempuan di universiti adalah 48%. Pada tahun 1996 pendaftaran bagi penuntut perempuan telah naik ke 61%. Pencapaian penuntut perempuan di universiti juga masih meningkat dan dalam sesetengah tahun, lebih banyak lagi graduan wanita yang muncul berbanding dengan graduan lelaki.

13. Peranan besar yang dimainkan oleh golongan wanita dalam masyarakat harus dikekalkan dan digalakkan. Perkembangan politik semasa mesti memberi pertimbangan yang berpatutan kepada pembangunan wanita di Malaysia.

14. Saya berasa amat kesal, bahawa masih ada pihak di Malaysia yang tidak menghargai mahupun mengakui peranan wanita dalam pembangunan negara. Mereka menyeru golongan wanita supaya hanya berpegang kepada peranan tradisional iaitu sebagai ibu dan suri rumah. Penglibatan wanita dalam tenaga kerja

tidak digalakkan dan sebaliknya dikenakan bermacam jenis sekatan. Pendekatan politik mereka pula menghalang wanita daripada memainkan peranan yang utama dalam kepimpinan golongan sendiri.

15. Jika kita tinjau perwakilan politik di dewan rakyat, ada di antara parti-parti politik yang langsung tidak mempunyai wakil wanita. Adakah ini bermakna bahawa wanita tidak layak mewakili masyarakat dan rakyat? Apakah ertinya keadilan jika kaum wanita tidak disertakan sebagai wakil rakyat mahupun sebagai calon? Mereka yang tidak memberi kepercayaan kepada golongan wanita sebagai pemimpin tidak seharusnya diberi kepercayaan oleh rakyat sebagai wakil yang ikhlas dan adil, meskipun yang dimulihkan.

16. Tujuan saya mengemukakan soalan-soalan ini bukanlah untuk membangkitkan isu-isu politik. Saya tidak mahu mempolitikkan ataupun politicise isu wanita. Saya rasa kalau isu ini menjadi isu politik yang melibatkan perbuatan tuduh-menuduh, ia akan melemahkan perjuangan kaum wanita di negara ini. Sememangnya isu ini tidak boleh dipolitikkan kerana hakikatnya begitu jelas.

17. Saya membangkitkan soalan-soalan berkaitan dengan perwakilan politik ini oleh kerana saya ingin menyentuh sesuatu yang boleh dianggap sebagai masalah terbesar yang menghalang pembangunan wanita di Malaysia: iaitu sikap dan mentaliti rakyat umum, terutamanya sikap golongan lelaki terhadap wanita.

Saudara-saudari,

18. Sikap yang menganjur golongan wanita supaya hanya memainkan peranan yang rendah dan menurut perintah suami semata-mata sering di disarangkan dan dieksploitasi. Saya juga amat berdukacita apabila mendengar berita bahawa agama digunakan untuk mengukuhkan lagi pandangan serta sikap yang mendiskriminasikan wanita.

19. Nabi Muhammad s.a.w. sendiri telah menunjukkan satu teladan melalui perkahwinannya dengan Khadijah r.a. yang merupakan seorang peniaga wanita yang maju, berjaya, dan berdikari. Sebenarnya, sikap yang merendahkan peranan wanita dalam masyarakat moden berpunca daripada jangkaan masyarakat atau social expectation yang kolot dan ketinggalan zaman.

20. Keadaan ini dikekalkan oleh perasaan kurang yakin terhadap diri sendiri yang terdapat pada kebanyakan golongan lelaki, umpamanya apabila si isteri berjaya dalam kerja atau apabila pihak lelaki dikehendaki bekerja di bawah seorang pengurus wanita. Justeru itu, sikap lelaki terhadap wanita merupakan sikap reactionary yang menghalang kemajuan kaum wanita.

21. Apabila sikap ini di hubung kaitkan dengan agama, secara amnya banyak perkara serta gejala telah difahamkan berpunca daripada kesalahan wanita. Sebagai contoh, ada pihak yang sanggup menuntut bahawa jenayah yang paling keji seperti rogol harus dianggap dan dimasukkan dalam kategori kesalahan zina, sedangkan rogol merupakan suatu paksaan dan seksaan yang mencabul kehormatan seseorang wanita, manakala perbuatan zina melibatkan kuasa memilih atau kemahuan sendiri. Undang- undang syariah ataupun `maqasid al-syari'ah' sebenarnya wujud dalam islam dengan tujuan melindungi nyawa, kepercayaan, akal, keturunan dan harta di mana letaknya niat-niat mulia ini dalam tuntutan sedemikian yang ternyata bersifat diskriminasi terhadap wanita?

22. Malah sikap diskriminasi ini tidak akan hilang dengan begitu sahaja. Banyak lagi yang perlu diubah supaya wanita dapat menikmati kesaksamaan dari segi undang-undang dan peraturan-peraturan yang tertentu. Dalam usaha kita untuk mengakhiri diskriminasi terhadap wanita, kita mesti mengakui bahawa peranan wanita dalam masyarakat moden sudah pun berubah. Kita mesti mengamalkan sikap moderasi yang diwajibkan dalam agama dan budaya kita. Dan kita mesti menukarkan fahaman serta tanggapan yang ada pada diri sendiri untuk menerima fikiran dan pendapat-pendapat yang lebih progresif.

23. Saya rasa kita tidak mempunyai jalan yang lain. Kita tidak mampu mengambil langkah ke belakang mengenai isu wanita dengan bersembunyi di sebalik agama atau budaya. Perkembangan isu wanita harus mewujudkan langkah-langkah ke hadapan.

24. Pertama, kita harus mengadakan perundingan dan perbincangan tanpa segan-silu mengenai isu wanita bagi semua peringkat masyarakat. Saya harap pihak yang mengamalkan diskriminasi terhadap wanita dapat menerima pandangan-pandangan yang wajar dipertimbangkan secara ikhlas, jujur dan terbuka.

25. Saya sendiri telah menandatangani agenda perubahan untuk wanita atau women's agenda for change dan pendirian saya akan tetap terbuka kepada golongan wanita, persatuan-persatuan wanita, baik dari badan kerajaan atau bukan kerajaan yang hendak membangunkan kaum wanita di Malaysia ini. Saya akan berusaha untuk menghapuskan sisa-sisa sikap seksisme dari dasar-dasar kerajaan dalam lima tahun bermula hari ini - ini adalah janji saya.

26. Pada hari ini, saya ingin menegaskan sekali lagi komitmen kerajaan ini terhadap perjuangan wanita. Kerajaan berharap untuk terus berganding bahu dengan pertubuhan-pertubuhan wanita bersatu-padu untuk menentang dan menyangkal arus yang selama ini mendorong amalan diskriminasi, dan kerajaan akan terus berusaha untuk memperkasa tenaga wanita bagi pembangunan negara.

27. Sekali lagi saya ucapkan syabas kepada yayasan pembangunan wanita Malaysia kerana telah memberi perhatian kepada perjuangan golongan wanita, terutamanya kepada masalah ibu-ibu tunggal di negara ini. Sudah tentu golongan ibu tunggal ini menghadapi cabaran bukan sahaja dari segi tanggapan masyarakat tetapi juga dari segi ekonomi kerana merekalah yang terpaksa bekerja untuk menyara anak-anak.

28. Saya yakin yayasan wanita dapat memainkan peranan dalam menyediakan pelantar di mana bakat dan kemahiran ibu-ibu tunggal akan diasah agar kemahiran mereka dapat diketengahkan untuk bersaing dalam dunia keusahawanan. Segala bantuan yang boleh diberi kepada ibu-ibu tunggal di Malaysia amat dialu-alukan.

29. Saya harap usaha yayasan wanita tidak akan terputus. Jalan ke tahap yang selesa bagi golongan wanita masih jauh lagi dan dihalang oleh beberapa rintangan. Tetapi, insyallah, bersama-sama kita akan berjaya.

30. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Yayasan Pembangunan Wanita Malaysia.

Terima kasih.